

06 MAY, 2026

Negara rugi RM700 juta setahun

Sinar Harian, Malaysia



Abdul Rahman meninjau ruang menempatkan mesin bitcoin yang ditemui dalam sebuah premis kediaman semasa operasi sekitar Kuantan pada Selasa.

Negara rugi RM700 juta setahun

Akibat lombong bitcoin haram di premis

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN

KUANTAN - Negara mengalami kerugian purata lebih RM700 juta setahun akibat penggunaan bekalan elektrik secara haram di premis yang menjalankan aktiviti melombong bitcoin di seluruh negara.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, jumlah tersebut amat membimbangkan dan memerlukan tindakan penguatkuasaan berterusan bagi membendung kerugian yang lebih besar.

Menurutnya, selain kerugian besar kepada negara, aktiviti itu turut mengancam keselamatan awam dan menyebabkan kerosakan harta benda.

"Kebanyakan premis yang diperiksa didapati menggunakan sistem pendawaian yang tidak selamat hingga berisiko berlaku letupan dan kebakaran.

"Pada masa sama, ia juga mengundang

masalah dan gangguan sistem bekalan elektrik kepada pengguna lain," katanya selepas menyertai operasi pemotongan bekalan elektrik melibatkan dua rumah kediaman yang disyaki menjalankan aktiviti perlombongan bitcoin secara haram di sekitar Taman Seri Mahkota dan Kampung Batu 11 di sini pada Selasa.

Hasil operasi kira-kira jam 10 pagi disertai pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga itu mengesan kegiatan melombong mata wang kripto secara haram menggunakan premis kediaman yang disewa bagi mengelabi pihak berkuasa.

Abdul Rahman berkata, hasil pemeriksaan di premis pertama menemui 18 mesin melombong yang sedang beroperasi dan menggunakan kira-kira 40,703 kilowatt elektrik sehari, dengan kerugian dianggarkan kira-kira RM21,000 sebulan.

"Manakala di premis kedua, terdapat 10 mesin beroperasi dengan anggaran penggunaan elektrik 26,403.84 kilowatt sehari, melibatkan kerugian dianggarkan RM13,703 sebulan.

"Untuk dua premis ini sahaja, kerugian

mencecah RM34,000 sebulan atau RM208,000 untuk tempoh enam bulan," katanya.

Abdul Rahman berkata, kes ini akan diasas di bawah Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

"Sekiranya disabitkan kesalahan, syarikat atau individu terbabit akan berhadapan dengan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

"Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," jelasnya.

Justeru, beliau meminta pemilik rumah agar lebih peka dan menyelidik penyewa kediaman masing-masing bagi mengelakkan premis tersebut disalah guna untuk aktiviti haram.

"Sebaiknya, tukar akaun pengguna elektrik kepada nama penyewa kerana bagi kes seperti ini (kecurian elektrik), tuntutan akan dikenakan kepada pemilik sekiranya pe-

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING
SETAKAT JAM 5 PETANG SELASA

- 1 AKAUNTAN BERUSIA 29 TAHUN DILANTIK UNDANG LUAK SUNGAI UJONG BAHARU
- 2 KEMATIAN NURFISYA AMARAN 'HUBUNGAN BERBAHAYA'
- 3 MENANTU PEREMPUAN ROMPAK, BUNUH IBU MENTUA
- 4 IBU TUNGGAL LEMAS KETIKA EKSPEDISI DAKI GUNUNG
- 5 CAPELLO DEDAH 'SISI GELAP' RONALDO
- 6 IBU HAMIL DITOLAK ENAM HOSPITAL DI SEOUL, BAYI MENINGGAL DUNIA
- 7 PENERBANGAN KT051 BERLEPAS KE JEDDAH 6 MEI
- 8 DUA SUSPEK KES CURI BARANG KEMAS BERJAYA DICEKUP
- 9 SERANGAN DRON IRAN CETUS KEBAKARAN BESAR DI FASILITI MINYAK UAE
- 10 DRON MURAH HIZBULLAH GUGAT REJIM ZIONIS

nyewa gagal dikesan.

"Penduduk setempat atau jiran juga diminta memainkan peranan melaporkan aktiviti melombong mata wang kripto sekiranya mengesyaki berlaku kecurian elektrik di kawasan masing-masing," ujarnya.

Jelas beliau, operasi pemotongan bekalan elektrik itu akan diteruskan bagi mengesan dan membanteras aktiviti haram tersebut di seluruh negara.